

# UMS, HKL kerjasama aspek penyelidikan penyediaan makanan

**UB 14.09.2024 P.03**

**KOTA KINABALU:** Universiti Malaysia Sabah (UMS) bersedia bekerjasama dengan Hospital Kuala Lumpur (HKL) dan pihak industri kesihatan dalam penyelidikan penyediaan makanan, terutama pesakit disfagia.

Ketua Program Perkhidmatan Makanan Fakulti Sains Makanan dan Pemakanan (FSMP) UMS, Dr. Sylvester Mantihal, berkata pihaknya telah mengadakan kunjungan serta memeterai surat niat (LoI) bersama HKL, baru-baru ini.

Katanya kerjasama itu melibatkan aspek penyediaan makanan yang sihat sesuai dengan keperluan

semasa pesakit-pesakit di hospital.

Pada majlis menandatangani LoI tersebut, UMS diwakili Sylvester manakala HKL diwakili Timbalan Pengarah Perubatan 1 HKL, Dr. Hajah Shahrum Ismail.

Tambah Sylvester, FSMP UMS serta HKL berharap agar kerjasama itu akan dapat diteruskan serta menggalu-alukan peluang kolaborasi lain pada masa akan datang.

Turut hadir Pensyarah Kanan FSMP UMS yang juga merupakan pakar dalam bidang menyediakan makanan pesakit Disfagia, Dr. Aizul Azri Azizan.



**KERJASAMA:** Sylvester (dua kiri) bersama Shahrum (dua kanan) pada pemeteraian surat niat.